



SIARAN AKHBAR

ROMBONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN MENYERTAI MAJLIS
BERDIKIR KE MASJID-MASJID UTAMA SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD
SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM 1439H / 2017M

Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar
11 Rabiulawal 1439H bersamaan 30 November 2017

Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada malam terakhir Dikir Maulud ke masjid-masjid bagi Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi berkunjung ke Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar.

Hadir bersama rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dr Haji Abd Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap; Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan); ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta penduduk setempat.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Magrib Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Imam masjid berkenaan dan seterusnya bacaan Dikir Syarafil Anam, Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Allah Peliharakan Sultan bagi memberkati majlis.

Majlis Dikir ke masjid-masjid ini antaranya bertujuan untuk menggalakkan warga Kementerian ini untuk terus bersalawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang mana pada tahun ini, majlis dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Sebelum ini, rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan Majlis Dikir berkenaan ke Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop pada malam hari Ahad, 26 November 2017 dan ke Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampong Bebatik Kilanas pada malam hari Selasa, 28 November 2017 yang lalu.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,
Negara Brunei Darussalam

11 Rabiulawal 1439H / 30 November 2017